

BIL		TARIKH	SURATKHABAR
1	KETAGIHAN ‘PORNOGRAFI INTERNET’ ROSAKKAN SISWA	1 JULAI 2022	BERITA HARIAN
2	KPT, PTPTN BINCANG NAIKKAN JUMLAH PINJAMAN	6 JULAI 2022	BERITA HARIAN
3	BIMBANG KETAGIHAN ROKOK ELEKTRONIK BABIT PELAJAR	6 JULAI 2022	BERITA HARIAN
4	PMM HIMPUN 93 PEMINAT BASIKAL BMX	8 JULAI 2022	MELAKA HARIINI
5	PMM TAWAR KEPAKARAN PENDIDIKAN KEPADA MURID SEKOLAH	13 JULAI 2022	BERITA HARIAN
6	INISIATIF KERAJAAN RINGANKAN KOS BELANJA MAHASISWA	14 JULAI 2022	BERITA HARIAN
7	MELAKA SERIUS BANGUNKAN E-SUKAN	14 JULAI 2022	MELAKA HARIINI
8	KARYA SASTERA MENARIK PIKAT MINAT MEMBACA	15 JULAI 2022	BERITA HARIAN
9	TUKAR TIKUS JADI DUIT	15 JULAI 2022	SINAR HARIAN
10	PERAJURIT KERJAYA PILIHAN	25 JULAI 2022	HARIAN METRO
11	JADIKAN MEMBCACA HOBI SEPANJANG HAYAT	26 JULAI 2022	BERITA HARIAN

BERITA HARIAN

1 JULAI 2022

BH | KETAGIHAN ‘PORNOGRAFI INTERNET’ ROSAKKAN SISWA |

Ketagihan ‘pornografi internet’ rosakkan siswa

Haziq Ikhwan
Khatibbor Rahman,
Nilai

Internet menjana satu bentuk revolusi dalam menyalurkan maklumat dan menghubungkan dunia tanpa mengira batas sempadan negara. Ia juga mengubah landskap budaya serta mempercepatkan lagi penerimaan masyarakat global terhadap nilai sejagat.

Namun, pembangunan teknologi internet juga turut tidak terkecuali daripada impak negatif. Antara isu kontroversi yang hebat diperdebatkan adalah kemunculan bahan berunsur lucu atau istilah yang lebih khusus, ‘pornografi internet’.

Keadaan ini mencetuskan fenomena baharu yang hangat diperdebatkan oleh banyak pihak.

Hal ini disebabkan bahan sebegini mudah diakses oleh pelbagai peringkat umur, terutama dalam kalangan anak muda misalnya pelajar universiti. Tanpa kendalian diri yang baik ia akan menyebabkan mereka ketagihan.

Ketagihan terhadap bahan seperti itu menyebabkan mereka selalu tidak berupaya mengawal diri. Hal ini akan menyebabkan mereka berhadapan gangguan terhadap tumbesaran.

Bagi anak muda, terutama remaja, ketagihan begini menjelaskan diri dari segi otak dan pemikiran. Malah, ia mungkin akan menjelaskan kewangan kerana terpaksa membelanjakan jumlah wang yang tinggi untuk tontonan dalam talian.

Terlalu banyak kesan buruk akibat ketagihan filem dewasa. Mungkin mahasiswa berasaskan mereka sudah cukup matang untuk bebas melakukan apa sahaja, tetapi silap percaturan hanya akan menjelaskan diri sendiri. Apatah lagi setiap perbuatan buruk yang dilakukan pasti ada akibatnya. Ia mungkin tidak berlaku sekarang, tetapi akan pada masa akan datang.

Justeru, amat penting bagi setiap kita mendekatkan diri kepada Allah SWT dan sentiasa ingat tujuan masuk ke universiti. Ia bukan tiket untuk bebas tanpa batasan, tetapi menimba ilmu untuk menjadi warga berguna kepada negara, keluarga dan bangsa.

BERITA HARIAN

6 JULAI 2022

BH | KPT, PTPTN BINCANG NAIKKAN JUMLAH PINJAMAN |

KPT, PTPTN bincang naikkan jumlah pinjaman

Tanjung Malim: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersedia berbincang dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menaikkan jumlah pinjaman pengajian pelajar ekoran kos sara hidup semakin membebankan.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad, berkata pihaknya sedang melihat keperluan itu kerana isukenaikan kos sara hidup bukan dihadapi sebilangan orang saja tetapi turut membabitkan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

"KPT sebenarnya sedang melihat secara berperingkat mengenai masalah kos sara hidup yang membebani pelajar termasuk mengenai perkara itu (penambahan jumlah pinjaman).

"Kita akan berbincang (de-

ngan PTPTN) malah setakat ini kita sedang mendapatkan maklumat daripada pelajar mengenai perkara ini termasuk mereka yang memainkan peranan dalam kampus," katanya selepas lawatan di kafe kolej Harun Amunrasid di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Norkhalid Salimin.

Ahmad Masrizal berkata, KPT sentiasa memahami kesukaran pelajar universiti khususnya mereka daripada keluarga B40.

"Setakat Januari hingga April lalu, kita menyalurkan bantuan RM198.4 juta kepada 362,771 pelajar B40. Bantuan adalah pelbagai termasuk daripada banyak agensi yang menyumbang.



Ahmad Masrizal (tengah) dan Norkhalid (dua dari kiri) menunjukkan sarapan menu Keluarga Malaysia yang dijual pada harga RM3.50 ketika tinjauan harga makanan di kafe UPSI, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

"Saya yakin, jika ada kes mereka yang tidak dibantu, ia mungkin kes terlepas pandang saja dan pihak universiti tiada masalah membantu mereka jika maklumat itu disalurkan dengan segera," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, KPT akan mewujudkan jawatankuasa khas bagi memantau kos sara hidup pelajar IPT yang terpaksa menanggung kenaikan

harga makanan.

Katanya, jawatankuasa khas itu akan dipimpin kalangan pelajar dan dibantu IPT di seluruh negara.

"Jawatankuasa itu akan diwujudkan menjelang Ogos sebagai persiapan kemasukan pelajar baru dan yang menyambung pengajian kembali semula ke kampus masing-masing.

"Melalui jawatankuasa khas

ini, kita mahu Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) berperanan aktif kerana mereka bukan saja dekat dengan pelajar, tetapi mempunyai data kumpulan yang terkesan," katanya.

Mengulas menu Keluarga Malaysia bernilai RM3.50, Ahmad Masrizal berkata, ia mendapat sambutan baik pelajar kampus dan peniaga makanan sendiri berupaya menyediakannya.

BERITA HARIAN

6 JULAI 2022

BH | BIMBANG KETAGIHAN ROKOK ELEKTRONIK BABIT PELAJAR |

Rabu, 6 Julai 2022

MindaP

Bimbang ketagihan rokok elektronik babit pelajar

Nik Thaqif Nik Ibrahim, Tanjung Malim, Perak

Bagaikan gaya terkini, anak pada usia awal remaja kelihatan bersahaja dan tanpa rasa bersalah menggunakan rokok elektronik di khalayak umum. Situasi yang sama juga berlaku di sekolah apabila murid mula membawa dan menggunakan rokok elektronik tanpa menyedari kesalahan dan bahaya produk ini kepada kesihatan mereka.

Kementerian Pendidikan melalui surat siaran kementerian Bilangan 17 tahun 2015 sudah pun menegaskan larangan membawa produk sebegini ke sekolah bagi mengekang gejala tidak sihat ini.

Namun, tumbuhnya kedai yang menyediakan pelbagai jenis produk sebegini, selain jualan dalam talian dengan tawaran harga murah menyumbang kepada lambakan produk sebegini. Keadaan ini menarik minat remaja juga dewasa, selain pandangan masyarakat secara umum mengenai rokok elektronik yang dianggap lebih selamat berbanding rokok.

Justeru, beberapa langkah proaktif perlu digembangkan oleh pelbagai pihak berkepentingan supaya kebimbangan ini dapat diatasi dengan baik. Ia dalam usaha menyediakan murid dan generasi yang sihat dan mengamalkan nilai murni. Anta-

ranya ialah dengan menguatkusakan larangan jualan kepada had umur tertentu seperti rokok, selain kempen kesihatan pada pelbagai peringkat termasuk di sekolah, masjid dan institusi lain yang dekat dengan masyarakat dan remaja.

Golongan agamawan juga diharapkan dapat berkongsi dalil dan rasional pengharaman produk ini sebagai satu langkah pencegahan yang diutamakan agama.

Namun, peranan yang lebih besar juga perlu dimainkan oleh komuniti dan ibu bapa sebagai kelompok paling dekat dengan remaja. Ibu bapa sebagai guru utama perlu lebih peka dengan perubahan dan tingkah laku anak bukan sahaja di dalam bahkan di luar rumah. Kecenderungan anak remaja untuk mencuba perkara baharu seperti rokok elektronik perlu bijak dibanteras supaya ia tidak menjadi ketagihan dan kebiasaan.

Sebagai seorang guru dan juga bapa, besar harapan saya supaya perkara ini dapat dibanteras sebaik mungkin. Ia seharusnya mampu dibuat dengan peranan ibu bapa, sokongan komuniti dan pihak berkuasa bertegas serta didikan institusi pendidikan yang sentiasa mendidik ke arah kebaikan dan kesejahteraan bersama.

MELAKA HARI INI

8 JULAI 2022

MHI | PMM HIMPUN 93 PEMINAT BASIKAL BMX |

PMM himpun 93 peminat basikal BMX

By

[Liana Sahabudin](#)

Friday, 8 July 2022 @ 14:30



BERITA HARIAN

13 JULAI 2022

MHI| PMM TAWAR KEPAKARAN PENDIDIKAN KEPADA MURID SEKOLAH|

PMM tawar kepakaran pendidikan kepada murid sekolah

By

[Liana Sahabudin](#)

Wednesday, 13 July 2022 @ 18:00



BERITA HARIAN

14 JULAI 2022

BH | INISIATIF KERAJAAN RINGANKAN KOS BELANJA MAHASISWA |

Inisiatif kerajaan ringankan kos belanja mahasiswa

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhrenanca@bh.com.my



Wartawan Pelatih
BH

Rata-rata masyarakat sedia maklum inflasi kini menjelaskan ekonomi negara dan memberi kesan kepada perbelanjaan sehari-hari rakyat. Antara golongan yang terkena tempias kesan inflasi ialah mahasiswa.

Walaupun sebahagian mahasiswa menerima bantuan kewangan menerusi pinjaman pendidikan dan biasiswa, ia masih tidak mencukupi untuk menampung kehidupan sehari-hari mereka.

Tidak dapat dinafikan terdapat sejumlah mahasiswa berbelanja melebihi kemampuan mereka, namun ada juga menggunakan bantuan atau pinjaman pendidikan untuk membantu keluarga, terutama golongan B40.

Ada mahasiswa mengakui dirinya mengambil sedikit daripada jumlah keseluruhan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan sebahagian lagi diberikan kepada ibu bapanya untuk membantu keluarga menampung kos sara hidup.

Beliau mengambil tindakan itu kerana mempunyai adik beradik ramai, manakala ibu bapanya bekerja sekadar cukup makan. Tanpa malu, pelajar ini mengakui makan sekali sehari untuk menjimatkan perbelanjaannya sepanjang pengajian.

Pelajar ini tidak meminta lebih daripada universiti atau kerajaan sebaliknya berharap harga makanan dijual di kafeteria adalah berpatutan dan tidak 'mencengkam' pelajar.

Tak layak mohon bantuan

Kisah hampir sama turut dikongsi mahasiswa menjalani latihan industri, yang mana beliau memperuntukkan RM20 untuk menampung perbelanjaan setiap hari. Saya berasa sangat terkesan dengan inflasi melanda negara kita. Saya tidak menerima elaan ketika menjalani latihan industri atau bantuan daripada universiti, pinjaman ataupun biasiswa.

"RM20 yang saya ada digunakan untuk makan dua kali dan mengisi minyak motosikal bagi latihan industri. Mungkin kerajaan boleh sedia peruntukan kepada mahasiswa kerana bantuan lebih memfokuskan golongan bujang. Mahasiswa juga ada yang bujang, tetapi tidak layak memohon bantuan," luahnya.

Rata-rata mahasiswa mengakui kini harga sepinggan nasi, protein dan sayur boleh mencecah sehingga RM10 ringgit berbanding RM7 ke RM8 sebelum ini.

Mereka berpendapat, status sebagai mahasiswa yang tidak mempunyai pekerjaan, mereka perlu mengikat perut atau sekadar makan mi segera.

Dalam isu ini, tidak dinafikan banyak pihak sudi membantu golongan mahasiswa, termasuk meng-

gerakkan program bank makanan, namun ia dilaporkan tidak mencukupi bagi menampung keperluan sehari-hari mereka.

Ada juga penuntut tidak berkesempatan mendapatkan bekalan dari bank makanan kerana kekangan masa menghadiri kelas, tiada kenderaan atau ingin memberi peluang kepada rakan lain mendapatkannya.

Persatuan mahasiswa di kolej dan universiti juga turut memainkan peranan, namun jika penuntut terabit berada di luar universiti kerana mengikuti latihan industri, agak sukar untuk mereka membantu rakan mahasiswa.

Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, memperkenalkan Menu Keluarga Malaysia, iaitu makanan berkualiti perlu dijual pada harga siling RM3.50 hingga RM5, ia memberi kelegaan kepada mahasiswa.

Sekurang-kurangnya beban dipikul mahasiswa menerusi inisiatif kerajaan ini dapat diringankan. Bagaimanapun, kerjasama daripada pihak pengusaha kafeteria memainkan peranan penting.

Apa yang diharapkan, pengusaha kafeteria perlu menyediakan makanan pada harga ditetapkan. Walaupun harga bahan mentah meningkat, pengusaha bertanggungjawab memberikan makanan berkualiti kepada mahasiswa kerana mendapat bantuan dan peruntukan kerajaan. Diharapkan inisiatif ini dapat memberi situasi 'menang-menang' kepada pengusaha makanan dan mahasiswa.

MELAKA HARIINI

14 JULAI 2022

MHI | MELAKA SERIUS BANGUNKAN E-SUKAN |

Melaka serius bangunkan e-Sukan

KEJOHANAN Hari e-Sukan Melaka 2022 yang berlangsung baru-baru ini di Bandar Hilir, Melaka menawarkan hadiah terkumpul keseluruhan berjumlah RM7,000.

Antara permainan e-Sukan yang dipertandingkan pada kejohanan itu adalah seperti Mobile Legends: Bang Bang (MLBB); Player Unknown Battleground (PUBG); FIFA dan PES Mobile.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Melaka, VP. Shanmugam berkata, kerajaan negeri serius memajukan e-Sukan apabila memperuntukkan RM200,000 dalam Bajet 2022.

Sehubungan itu, golongan belia khususnya yang meminati gajet disaran memanfaatkan pertandingan e-Sukan bagi menjana pendapatan lumayan.



■ VP. SHANMUGAM (duduk depan, dua dari kanan) bersama para pemenang Kejohanan Hari e-Sukan Melaka 2022 di Bandar Hilir, Melaka baru-baru ini.

BERITA HARIAN

15 JULAI 2022

BH | KARYA SASTERA MENARIK PIKAT MINAT MEMBACA |

Karya sastera menarik pikat minat membaca

Dayana Tauni,
Universiti
Pendidikan
Sultan Idris
(UPSI)

Untuk memupuk minat membaca dalam kalangan generasi muda hari ini bukanlah tugas mudah. Hal ini disebabkan dunia dengan perkembangan teknologi komunikasinya menawarkan lebih banyak hiburan.

Justeru, tidak hairan untuk melihat bukan hanya anak muda, tetapi juga golongan berusia turut leka dengan telefon di tangan. Dari pada menonton drama hingga segala jenis permainan dalam talian. Kepentingan untuk membaca hanya timbul jika diperlukan misalnya untuk menduduki peperiksaan.

Jadi, seakan biasa pula kita bertemu dengan kanak-kanak yang belum pandai mengeja dan membaca, walaupun sudah berusia lapan atau sembilan tahun.

Minat membaca seharusnya ditanam sejak kecil. Ia bermula dengan pendedahan oleh ibu bapa di rumah. Membacakan anak dengan buku cerita atau membiasakan mereka dengan kedai buku, membeli buku dijadikan acara keluarga misalnya antara kaedah terbaik untuk mendekatkan diri mereka dengan tabiat membaca.

Kuasai pengetahuan pelbagai bidang

Dari situ, minat mereka akan berkembang dengan baik. Tabiat membaca yang disemai ini akan melahirkan modal insan berilmu jika budaya berkenaan terus diperkasakan. Menerusi pembacaan kita beroleh lebih banyak pengetahuan dalam pelbagai bidang sama ada sains, sejarah malah sastera.

Dalam hal ini, karya sastera misalnya mampu berperanan untuk meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar sekolah. Namun, memilih karya kreatif bersesuaian dengan usia amat pen-



Tabiat membaca akan melahirkan modal insan berilmu jika budaya berkenaan terus diperkasakan.

(Foto hiasan

ting. Misalnya, penghasilan buku cerita kanak-kanak dengan penekanan kepada visual lebih sesuai untuk anak berusia antara tiga hingga lima tahun, manakala buku dengan teks yang lebih banyak lebih selesa dibaca kanak-kanak yang memasuki usia 12 atau 13 tahun.

Pada masa kini, banyak karya sastera boleh diakses oleh pembaca dengan mudah. Banyak kedai menjual karya sastera seiring dengan naskhah

popular dan judul am yang lain. Kepelbagaiannya bacaan ini memudahkan pembaca dan masyarakat umumnya untuk memilih bahan bacaan yang dikehendaki.

Selain itu, jika tidak mahu membeli, mereka juga boleh meminjam dari perpustakaan berhampiran rumah. Semua ini membantu dalam meningkatkan minat membaca dalam kalangan masyarakat.

15 JULAI 2022

SH | TUKAR TIKUS JADI DUIT | MS 17

SINAR HARIAN • JUMAAT 15 JULAI 2022

16/CETUSAN 17

Tukar tikus jadi duit



KURIK-KURIK
KUNDI

ZUKI PILEH

Kempen RM3 untuk seekor tikus mungkin kedengaran lucu tetapi itulah program terkini Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) di Melaka.

Kempen dengan cogan kata 'Tukar Tikus Jadi Duit' itu menawarkan ganjaran RM3 seekor kepada penduduk di daerah itu yang berjaya menangkap tikus sama ada hidup atau mati. Kempen itu berlangsung sehingga 17 Ogos depan.

Sebenarnya kempen seperti ini bukanlah asing di negara ini. Majlis Perbandaran Sandakan, Sabah baru sahaja melaksanakan kempen membasmikan tikus selama dua hari awal minggu ini dengan ganjaran RM1 untuk seekor tikus.

Malah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memulakan program RM1 untuk seekor tikus sejak 2008 lagi sebelum kadar 'upah' itu dinamikkan kepada RM3 pada 2012.

Statistik DBKL pada 2013 me-

nunjukkan terdapat 6.8 juta tikus yang bersarang di ibu negara, lebih empat kali ganda daripada jumlah penduduk.

Tikus itu dilapor membaki mendadak sehingga populasinya bertambah sebanyak dua peratus setiap tahun. Tiga kawasan yang mempunyai populasi tikus paling banyak di Kuala Lumpur ialah Pasar Chow Kit, Pasar Pudu dan Pasar Sentul.

Mamalia perosak ini sememangnya selalu memberi masalah kepada manusia. Populasi tikus yang tidak terkawal akan memberi kesan terhadap ekonomi bahan mencemarkan imej negara.

Tabiat tikus yang suka menggigit akan merosakkan infrastruktur seperti kabel komputer dan peralatan elektronik. Tikus kelaparan juga mampu merobek wayar elektrik dan ini berisiko menyebabkan kebakaran.

Ita juga memberi kesan kepada kesihatan awam. Menurut portal MyHealth, tikus mampu menyebarkan penyakit berjangkit secara langsung dan tidak langsung termasuk hawar dan leptospirosis iaitu penyakit kencing tikus yang boleh membawa maut.

Mungkin kita tidak pernah terbayang kehadiran tikus di kedai makan mewah di dalam pusat beli-belah terkenal. Tetapi itulah yang terjadi di Kuala

Lumpur beberapa bulan lalu.

Seorang pengguna Twitter @Azwinshafinaz telah berkongsi tangkap layar Instastory Sarah Shimmers yang memaparkan gambar beberapa ekor tikus berkeliaran di kedai makan tersebut.

Menerusi perkongsian itu, Sarah telah memberitahu pekerja di sana bahawa terdapat tikus tetapi tiada apa-apa tindakan diambil. Sarah berasa kecewa kerana berpendapat pekerja kedai itu sepatutnya melakukan sesuatu apabila melihat kehadiran tikus tersebut.

Jika restoran lima bintang pun boleh ada tikus, apa pula nasib median selera dan gerai tepi jalan. Di sesetengah tempat, makanan sedap tapi tikus bermahajalela. Baru-baru ini di Shah Alam, Selangor, sebanyak 34 premis makanan diarah tutup oleh Jabatan Kesihatan selepas didapati kotor dengan kehadiran tikus selain lipas dan lalat.

Sebuah hospital di Seremban, Negeri Sembilan pula terpaksa mengambil langkah meningkatkan tahap kebersihan susulan sebuah video yang menunjukkan tikus berkeliaran di wad kanak-kanak hospital tersebut tular baru-baru ini.

Program tangkap tikus anjuran pihak berkuasa tempatan bukan tak bagus. Cuma ia kurang tepat dalam merawat masalah sebenar tikus berkeliaran.

'Perangkap' paling berkesan adalah menjaga kebersihan.

Tikus tak mungkin pupus namun dapat dikurangkan jika semua isi rumah menjaga kebersihan. Tabiat pengotor hanya akan memberi kesempatan tikus membaki dan menyebarkan pelbagai jenis kuman.

Pengusaha makanan pula harus memastikan tiada sisa makanan dibuang ke dalam longkang. Semua sampah mesti dibungkus sebelum diletakkan dalam tong sampah. Dalam pada itu, kontraktor pemungut sampah sepatutnya turut mengutip sampah yang terjatuh di luar tong sampah.

Malangnya tabiat orang ramai yang suka membuang bungkusan dan sisa makanan ke longkang dan tepi jalan masih berleluasa. Bayangkan betapa banyaknya tikus jika 17,000 tan sisa makanan yang dibuang setiap hari oleh rakyat negara ini tidak diurus dengan betul.

Kalau itulah yang berlaku, selama-lamanya tikus akan kelihatan di manapun. Walaupun buat kempen tangkap tikus RM10 seekor pun, tikus tetap banyak. Silap-silap ada yang membaki tikus sendiri untuk dapat duit!

25 JULAI 2022

HARIAN METRO | PERAJURIT KERJAYA PILIHAN | MS 31

HARIAN METRO

ISNIN 25 JULAI 2022

AKADEMIA | 31

PERAJURIT KERJAYA PILIHAN

PMM anjur bengkel perkenal profesion tentera darat yang boleh diceburi graduan politeknik

Oleh Sulati Asri
sulati@hmetro.com.my

Politeknik Merlimau Melaka (PMM) menganjurkan Bengkel Promosi Kerjaya Graduan Politeknik & Pertahanan Menyeluruh (Hanruh) bagi memperkenalkan kerjaya dalam tentera darat sebagai peluang pekerjaan.

Menerusi program itu, pegawai dari Markas Tentera Darat - Cawangan Sumber Manusia berkunjung ke PMM bagi berkongsi laluan kerja graduan politeknik sebagai salah satu pilihan kerjaya mendapat sambutan yang memberangsangkan.

Pengarah PMM Norizam Sekak berkata, antara tujuan utama program terbabit diadakan adalah untuk memberi ruang kepada Markas Tentera Darat bersama politeknik merangka strategi pengambilan anggota tetap tentera darat bagi kekosongan dengan gred yang bersesuaian graduan.

Menurutnya, program itu juga adalah usaha yang baik dalam mementukan laluan kerjaya baharu buat graduan politeknik.

"Saya percaya, sekiranya



NORIZAM (depan duduk lima dari kiri) bergambar bersama pegawai tentera darat.

perbincangan dan laluan khas ini dapat direalisasikan, sudah pasti graduan politeknik akan meningkat kadar kebolehpasaran mereka.

"Hal ini secara tidak langsung dapat membantu negara dalam mengisi

kekosongan perjawatan tentera darat," katanya yang juga berpangkat mejar dalam askar wataniah.

Ketika program berlangsung, Pengarah Dasar & Pembangunan Markas Tentera Darat, Kolonel Mohamad Fazli Md

Idris memberi penerangan terhadap kerjaya yang boleh diceburi oleh graduan PMM.

Turut sama berkongsi maklumat ialah Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar PMM, Zan Aizwan Zainal Abidin dan pegawai Corporate, Industrial

Services & Employability Centre (CISEC PMM), Gwee Chiou Chin bagi menerangkan mengenai perkembangan graduan PMM.

Di sebelah petang pula,

Pegawai Staf I Jabatan Arah & Infrantri, Markas Tentera

Darat, Lt Kol Kaharuddin Katan pula berkongsi mengenai pengetahuan umum Kertas Putih Pertahanan dan Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) sebagai pengetahuan umum kepada warga kerja PMM.

BERITA HARIAN

26 JULAI 2022

BERITA HARIAN | JADIKAN MEMBACA HOBI SEPANJANG HAYAT |

Jadikan membaca hobi sepanjang hayat

26/7/22

Tan Sri Lee Lam
Thye,
Kuala Lumpur

Setiap daripada kita yang berfikiran waras pasti bersetuju bahawa pembangunan sesebuah negara bergantung kepada rakyatnya yang berpengetahuan, berfikiran positif, bekerja keras dan berdaya saing.

Justeru, cara terbaik untuk memperoleh kemahiran dan sifat itu adalah melalui kemantapan budaya membaca. Jadi, membangunkan budaya membaca perlu diberi keutamaan yang tinggi.

Oleh itu, semua rakyat Malaysia, tanpa pengecualian mestilah aktif dalam mempromosikan budaya membaca sepanjang hayat.

Adalah amat penting untuk menerapkan tabiat ini sejak usia muda lagi dengan tabiat suka membaca diberi galakan yang tinggi, diperjuangkan, dihargai dan dihormati.

Budaya membaca adalah prasyarat untuk pendidikan, interaksi sosial, untuk membuat pilihan yang tepat dalam kehidupan, membentuk tingkah laku sosial, meningkatkan nilai ekonomi, perkembangan seni budaya serta juga untuk pembangunan teknologi digital.

Selain itu, membaca menjadikan masyarakat berfikir. Golongan 80-an di Malaysia misalnya pasti

akan ingat dengan gabungan kegembiraan dan nostalgia, tatkala mengenang akan perkenalan mereka dengan tokoh sastera Inggeris terkemuka William Shakespeare juga beberapa ikon sastera lain semasa di zaman sekolah. Tentu juga mereka masih ingat bagaimana frasa daripada karya pengarang-pengarang itu diabadikan dan seterusnya memberikan kesan dalam kehidupan mereka kemudiannya.

Walaupun sistem sekolah pada masa ini turut menggalakkan anak-anak kita membaca, adakah penekanan dalam kurikulum sekolah dan persekitaran sekolah cukup untuk mengekalkan tabiat membaca pada kemudian hari?

Jika tidak, apakah lagi yang boleh pihak sekolah lakukan untuk menggalakkan anak-anak kita membaca dan menelaah semula karya sastera dalam bahasa Inggeris, Melayu, Mandarin, Tamil dan bahasa etnik lain?

Sekolah boleh tetapkan sasaran membaca

Sebagai permulaan, sekolah boleh menetapkan matlamat dan sasaran membaca serta memberi ganjaran kepada mereka yang berjaya menamatkan pembacaan dengan bilangan maksimum

karya terpilih dalam tempoh masa ditetapkan.

Sekolah juga boleh memasukkan dalam jadual harian mereka, tempoh waktu yang dikhaskan hanya untuk membaca. Bukan itu sahaja, inisiatif mewujudkan sudut bacaan di seluruh sekolah, sekali gus memberi ruang murid boleh mengasingkan diri, dan duduk serta membaca buku kegemaran mereka.

Di samping itu, mewujudkan pertandingan memilih orang yang paling banyak membaca sebagai juara. Hal ini akan secara lebih aktif dapat menaik semangat membaca dalam kalangan pelajar selain mampu untuk meningkatkan kepelbagaiannya bahan bacaan.

Kita tidak mengalami ketandusan bahan bacaan di negara ini. Di dalam kebanyakan isi rumah di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar lain, terdapat timbunan buku yang sudi didermakan pemiliknya kepada sekolah.

Dalam hal ini juga semua penulis, penerbit dan semua pihak yang berkepentingan dalam industri buku di Malaysia haruslah memainkan peranan masing-masing bagi menghasilkan buku yang berkualiti dan seterusnya memperkasakan industri penerbitan serta menggalakkan budaya membaca.